6	Peperiksaan Ulangan perlu dijalankan bagi mana-mana pelajar yang gagal mencapai 50% daripada pemberat peperiksaan akhir untuk subjek teras.	Syarat 50% pemberat bagi peperiksaan akhir untuk subjek teras dijumlahkan. Sekiranya pelajar gagal mencapai markah 50% dan ke atas bagi jumlah markah keseluruhan untuk modul teras, pelajar dikehendaki mengulang keseluruhan kerja kursus dan peperiksaan akhir bagi modul teras berkenaan Markah maksima untuk peperiksaan ulangan ialah 50% sahaja.



MEMO

JABATAN TENAGA MANUSIA
KEMENTERIAN SUMBER MANUSIA

RUJUKAN: JTM/PKSM/01/613 JLD 5(58)

TARIKH: 20 September 2011

PERKARA : PANDUAN PENUKARAN KEPUTUSAN PELAJAR DARIPADA FORMAT SISTEM PENILAIAN BERTERUSAN (SPB) KEPADA FORMAT CGPA	
DARIPADA : TKP	SALINAN :
KEPADA : Seperti di Lampiran A	1) KP 2) P (KT) 3) TKP

Dengan hormatnya saya diarah merujuk kepada perkara tersebut di atas dan keputusan Mesyuarat Jawatankuasa Peperiksaan dan Persijilan (MJPP) Bil 2/2011 yang diadakan pada 7 dan 8 September 2011 di Ibu Pejabat, JTM adalah berkaitan.

2. Sukacita dimaklumkan, jabatan telah mempertimbangkan permohonan pelajar dari kemasukan tahun 2004 dan sebelumnya untuk mendapatkan transkrip dalam format CGPA. Sehubungan dengan itu, bersama ini disertakan **Panduan Penukaran Keputusan Pelajar Daripada Format Sistem Penilaian Berterusan (SPB) kepada Format CGPA** untuk rujukan dan tindakan tuan selanjutnya.

3. Sekiranya terdapat sebarang pertanyaan, sila hubungi Pn Azlina Mohamad Shafie di talian 03-88865585 atau melalui alamat e-mail azlinams@mohr.gov.my. Perhatian pihak tuan berhubung perkara ini amatlah dihargai.

Sekian, terima kasih.

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"
'Pekerja Merealisesi Transformasi Negara'

(SYED MOHAMAD NOOR BIN SYED MAT ALI)
b.p Ketua Pengarah
Jabatan Tenaga Manusia.

DIHANTAR	
CAW. KAWALAN TEKNIKAL	
☐	E-MAIL
☒	MAIL / COURIER
☐	FAX
TARIKH 22/9/2011	

1. P (ADTEC Melaka)
2. P (ADTEC Kulim)
3. P (ADTEC Batu Pahat)
4. P (ADTEC Shah Alam)
5. P (ILP Kuala Lumpur)
6. P (ILP Pedas)
7. P (ILP Kuala Terengganu)
8. P (ILP Kota Bharu)
9. P (ILP Kuantan)
10. P (ILP Jitra)
11. P (ILP Ipoh)
12. P (ILP Kangar)
13. P (ILP Bukit Katil)
14. P (ILP Pasir Gudang)
15. P (ILP Ledang)
16. P (ILP Labuan)
17. P (ILP Kota Samarahan)
18. P (ILP Kota Kinabalu)



**PANDUAN PENUKARAN
KEPUTUSAN PELAJAR DARIPADA FORMAT
SISTEM PENILAIAN BERTERUSAN (SPB) KEPADA FORMAT CGPA**

**BAHAGIAN KAWALAN TEKNIKAL
JABATAN TENAGA MANUSIA
SEPTEMBER 2011**

KANDUNGAN

1. Pendahuluan	3
2. Mula Berkuatkuasa	3
3. Tafsiran	3
4. Panduan Penukaran Keputusan Pelajar	4
4.1 Sistem Gred	
4.1.1 Sistem Gred Modul Teras	4
4.1.2 Sistem Gred Subjek Umum	4
4.2 Kaedah Pemberian Gred	
4.2.1 Pelajar yang mempunyai portfolio	4
4.2.2 Pelajar yang tidak mempunyai portfolio	5
4.2.3 Pelajar yang mempunyai transkrip	6
4.3 Format Transkrip	6
4.4 Pengesahan	6
5 Prosedur Permohonan	6

1.0 PENDAHULUAN

- 1.1 Panduan ini disediakan untuk menerangkan kaedah penukaran keputusan pelajar daripada format Sistem Penilaian Berterusan kepada format CGPA.
- 1.2 Penukaran keputusan pelajar daripada format Sistem Penilaian Berterusan kepada format CGPA adalah terhad kepada pelajar yang mendapat Sijil Juruteknik Perindustrian, Diploma Teknologi Kejuruteraan dan Diploma Pengajar Vokasional sahaja.
- 1.3 Kumpulan pelajar yang terlibat bagi penukaran keputusan ini ialah bagi kemasukan pelajar tahun 2004 dan sebelumnya dimana semua pelajar tersebut dinilai menggunakan Sistem Penilaian Berterusan.

2.0 TARIKH KUATKUASA

- 2.1 Panduan ini berkuatkuasa pada 19 September 2011.

3.0 TAFSIRAN

Dalam panduan ini, tafsiran yang dimaksudkan adalah seperti berikut :

- **Sijil Juruteknik Perindustrian** ertinya sijil yang dikeluarkan kepada pelajar yang telah memenuhi semua keperluan silibus dan lulus semua penilaian di peringkat Sijil yang ditetapkan oleh JTM
- **Diploma Teknologi Kejuruteraan** ertinya sijil yang dikeluarkan kepada pelajar yang telah memenuhi semua keperluan silibus dan lulus semua penilaian di peringkat Diploma yang ditetapkan oleh JTM
- **PTA** ertinya sesuatu projek yang perlu dilaksanakan oleh pelajar peringkat Diploma untuk menghasilkan sesuatu projek yang melibatkan penggunaan sebahagian besar pengetahuan dan kemahiran yang dimiliki oleh pelajar
- **OJT** ertinya latihan sambil kerja yang perlu diikuti pelajar sebagai pendedahan awal kepada alam pekerjaan sebenar yang berkaitan dengan pengetahuan dan asas kemahiran dalam bidang masing-masing
- **NOSS** ertinya dokumen National Occupational Skills Standard atau Standard Kemahiran Pekerjaan kebangsaan (SKPK) yang menggariskan keterampilan yang diperlukan oleh seseorang pekerja mahir yang bekerja di Malaysia bagi sesuatu bidang dan tahap pekerjaan serta laluan untuk mencapai keterampilan tersebut.
- **SPB** ertinya Sistem Penilaian Berterusan yang merupakan sistem penilaian berasaskan keterampilan

- **Gred** ertinya satu tahap pencapaian penilaian dalam bentuk abjad bagi menunjukkan prestasi Pelajar bagi sesuatu modul
- **GPA** ertinya purata nilai mata kredit yang diperolehi bagi sesuatu semester
- **CGPA** ertinya purata nilai mata kredit yang diperolehi dalam semua peperiksaan yang diambil sehingga kini
- **Nilai Mata** ertinya suatu nilai dalam bentuk angka yang telah diberi ke atas kumpulan markah seperti yang terdapat dalam sistem gred

4.0 PANDUAN PENUKARAN KEPUTUSAN PELAJAR

4.1 Sistem Gred

Semua markah yang diperolehi oleh seseorang pelajar di dalam sesuatu modul teras atau subjek umum akan dinyatakan dalam bentuk Gred.

4.1.1 Sistem Gred Modul Teras

Markah	Nilai Mata	Gred
90 – 100	A	4.00
85 – 89	A-	3.67
80 – 84	B+	3.33
75 – 79	B	3.00
70 – 74	B-	2.67
60 – 69	C+	2.33
50 – 59	C	2.00
0 - 49	F	0.00

4.1.2 Sistem Gred Subjek Umum

Markah	Nilai Mata	Gred
90 – 100	A	4.00
85 – 89	A-	3.67
80 – 84	B+	3.33
75 – 79	B	3.00
70 – 74	B-	2.67
60 – 69	C+	2.33
50 – 59	C	2.00
0 - 49	F	0.00

4.2 Kaedah Pemberian Gred

4.2.1 Pelajar yang mempunyai portfolio

- i. Menggunakan silibus berasaskan format CGPA tahun 2005.
- ii. Berpandukan NOSS matrik dan juga maklumat modul bagi setiap semester bagi silibus tahun 2005
- iii. Bilangan kredit dan nama modul akan merujuk kepada silibus versi ini.
- iv. Kenalpasti task-task yang terlibat bagi sesuatu modul dengan merujuk kepada NOSS Matrik.
- v. Kemudian campurkan semua markah bagi setiap task yang diperolehi dengan merujuk kepada markah di dalam borang SPB.04 pelajar. Jumlah markah tersebut dibahagikan dengan bilangan task yang ditambah. Hasil operasi ini akan menjadi markah untuk modul tersebut.
- vi. Ulang langkah 4 dan 5 bagi modul-modul lain bagi semester berkenaan.
- vii. Gunakan formula untuk mendapatkan GPA dan CGPA bagi semester tersebut.
- viii. Ulang langkah 4 dan 7 bagi modul-modul di semester yang berbeza.
- ix. Gunakan template masukan CGPA manual untuk dapatkan CGPA keseluruhan.

4.2.2 Pelajar yang tidak mempunyai portfolio

- i. Menggunakan silibus berasaskan format CGPA tahun 2005.
- ii. Berpandukan NOSS matrik dan juga maklumat modul bagi setiap semester bagi silibus tahun 2005
- iii. Bilangan kredit dan nama modul akan merujuk kepada silibus versi ini.
- iv. Bagi modul teras, markah 75% akan diberikan. Ini kerana markah minima untuk lulus di dalam SPB ialah 75% bagi semua task.
- v. Bagi subjek umum, markah 50% akan diberikan. Ini kerana markah minima untuk lulus di dalam SPB ialah 50% bagi subjek umum.
- vi. Ulang langkah 4 dan 5 bagi modul-modul lain bagi semester berkenaan.
- vii. Gunakan formula untuk mendapatkan GPA dan CGPA bagi semester tersebut.

- viii. Ulang langkah 4 dan 7 bagi modul-modul di semester yang berbeza.
- ix. Gunakan template masukan CGPA manual untuk dapatkan CGPA keseluruhan

4.2.3 Pelajar yang mempunyai transkrip

- i. Menggunakan silibus berasaskan format CGPA tahun 2005.
- ii. Berpandukan NOSS matrik dan juga maklumat modul bagi setiap semester bagi silibus tahun 2005
- iii. Bilangan kredit dan nama modul akan merujuk kepada silibus versi ini.
- iv. Pemberian markah bagi modul teras dan subjek umum adalah berdasarkan markah yang diperolehi pelajar mengikut traskrip yang disediakan
- v. Ulang langkah 4 bagi modul-modul lain bagi semester berkenaan.
- vi. Gunakan formula untuk mendapatkan GPA dan CGPA bagi semester tersebut.
- vii. Ulang langkah 4 dan 7 bagi modul-modul di semester yang berbeza.
- viii. Gunakan template masukan CGPA manual untuk dapatkan CGPA keseluruhan

4.3 Format Transkrip

Format traskrip untuk pelajar adalah berdasarkan contoh seperti di Lampiran 1.

4.4 Pengesahan

Transkrip pelajar akan disediakan oleh Bahagian Kawalan Kualiti Latihan di institut masing-masing dan disahkan oleh Pengarah institut berkenaan.

5.0 PROSEDUR PERMOHONAN

Pengeluaran traskrip kepada pelajar yang menggunakan Sistem Penilaian Berterusan (SPB) adalah berdasarkan permintaan. Pihak institut dibenarkan memaklumkan tentang perkara ini di dalam laman web institut masing-masing.

Mana-mana pelajar yang memohon penukaran keputusan pelajar daripada format Sistem Penilaian Berterusan (SPB) kepada format CGPA hendaklah memberikan sesalinan sijil pelajar kepada BKKL institut sebagai bukti pelajar telah menamatkan latihan di ILTM.

**ANALISA LAPORAN NAZIRAN
SESI 1/2012**

**MESYUARAT JAWATANKUASA
PEPERIKSAAN DAN PERSIJILAN
(MJPP)
BIL 1/2012**

SOKONGAN DALAM PEMBANGUNAN PEMBELAJARAN CALON



Pedagogi

-Seramai 95 pengajar gred J41 belum menghadiri kursus pedagogi. 20 orang dari bilangan tersebut akan menghadiri kursus pedagogi di CIAST mulai 27 Februari 2012 selama 3 bulan dan 6 bulan latihan internship di ILJTM masing-masing.

Pembangunan Silibus/WIM

-Kebanyakan ILJTM menggunakan silibus yang terkini seperti yang diarahkan. Walaubagaimanapun, terdapat beberapa kursus yang mana WIM belum siap sepenuhnya. Beberapa ILP menghadapi masalah kerana terdapat beberapa silibus yang baru disahkan penggunaan pada bulan Disember 2011 tetapi telah diarahkan penggunaan mulai Januari 2012.

Kawalan ke atas pelajar

-Kawalan ke atas pelajar adalah memuaskan. Majoriti ILJTM memantau kedatangan pelajar menggunakan daftar kehadiran dan berada di bengkel sewaktu latihan amali dijalankan.

Pengurusan Peralatan Latihan / Mesin

-Peralatan latihan/mesin diuruskan dengan baik. Walaubagaimanapun terdapat sebahagian peralatan yang memerlukan penyelenggaraan.

Persekitaran Latihan / Bengkel

-Persekitaran latihan kebanyakan ILJTM adalah teratur kerana mengamalkan konsep 5S.

Pemeriksaan Sistem Penilaian

-Masih terdapat pengajar yang tidak mematuhi peraturan penilaian kerja kursus dimana sekurang-kurangnya 4 penilaian perlu dilaksanakan.

-Bilangan ILJTM yang menggunakan modul CGPA menggunakan perisian TMS semakin bertambah dan memberikan maklumbalas positif berkenaan perisian ini.

-Terdapat % kehadiran yang dicatatkan di dalam SPC.02 tidak selari dengan jumlah kehadiran yang direkodkan.

Penggunaan Pusat Sumber

- Penggunaan PS di ILJTM digunakan pada tahap sederhana. Buku-buku rujukan dicadangkan untuk ditambah seperti cadangan MQA dimana semua buku rujukan yang dicatatkan di dalam silibus hendaklah berada di Pusat Sumber bagi tujuan rujukan pengajar dan juga pelajar.



Pematuhan terhadap sistem penilaian

- Pemahaman pengajar, BKKL dan PN
- Perlaksanaan kerja kursus sebanyak 4 kali

Perisian untuk SPC


- Terlalu banyak sistem yang digunakan.
- Manual sepenuhnya, TMS, SMP (ILP Mersing) dan lain-lain.
- Penggunaan TMS masih belum mencapai tahap yang sepatutnya dan laporan yang dijana mempunyai saiz tulisan yang sangat kecil.
- Terdapat beberapa ILJTM yang sudah mula menggunakan TMS dan sistem berkenaan berjaya memproses keputusan pelajar bagi satu-satu semester.

Ruang Bengkel, Peralatan, Mesin, Silibus/WIM

- Ruang bengkel, peralatan dan mesin perlu selari dengan tahap pembelajaran dan juga kapasiti pelajar.
- Peralatan yang tidak diselenggara turut menyumbang kepada kualiti kerja produk (amali) yang dibuat oleh pelajar terutamanya bagi kursus Kimpalan.

Peningkatan Kemahiran Pengajar

- Pengajar perlu diberikan latihan bagi tujuan peningkatan dari masa ke semasa.
- Pendedahan di industri kepada pengajar adalah pada tahap sederhana.
- Perlaksanaan in-house tidak mengambilkira training pathway pengajar dan modul-modul yang tidak mempunyai cukup kepakaran tidak diberi penekanan.



Penggunaan TMS dan Sistem Manual untuk Pengiraan CGPA

-Dicadangkan agar pengiraan CGPA menggunakan sistem TMS sepenuhnya oleh semua ILJTM bagi memudahkan penyelarasan terhadap sistem.

Naik taraf peralatan latihan dan praktis BOS

-Perancangan naik taraf peralatan dibuat dalam jangka masa pendek dan jangka masa panjang.
 -Pihak ILJTM juga perlu menggalakkan amalan BOS antara bahagian-bahagian di ILJTM dan juga antara ILJTM.

Pelaksanaan latihan secara single-tier

-Penggunaan dua sistem dan terikat dengan tempoh masa bagi setiap tahap memberi kesan kepada kualiti pelajar.
 - Pelaksanaan latihan secara single-tier memberikan banyak kelebihan kepada kualiti pelajar, masa yang lebih bagi perlaksanaan amali dan penjimatan kos.
 -Silibus juga dapat disusun dengan lebih sempurna seperti silibus semasa perlaksanaan latihan mengikut persijilan LLPPKK.

Mewujudkan JK Kepakaran & Penyelarasan Antara Kursus

-Pengwujudan JK Kepakaran terbukti dapat mengenalpasti kelemahan dan permasalahan latihan di peringkat pelaksana.
 - Penyelarasan antara kursus turut membantu semua KB mendapat maklumat yang terkini sepertimana yang telah dilaksanakan kepada semua KB kursus Tek. Elektrik.

**PERLAKSANAAN PROGRAM LATIHAN SECARA SINGLE-TIER BAGI PERINGKAT
SIJIL DI INSTITUT LATIHAN PERINDUSTRIAN (ILP)**

KETERANGAN	LATIHAN SINGLE-TIER	LATIHAN MENGIKUT TAHAP
Pendaftaran Pusat Bertauliah	Daftar Pusat Bertauliah bagi tahap tertinggi sahaja	Daftar Pusat Bertauliah bagi setiap tahap
Pendaftaran Pelajar	Pendaftaran pelajar untuk Tahap 3 sahaja	Pendaftaran pelajar dibuat bagi setiap tahap
Penilaian	PPL menjalankan verifikasi dan validasi pada penghujung latihan	PPL menjalankan verifikasi dan validasi pada penghujung latihan untuk setiap tahap
Peperiksaan	Peperiksaan teori dan amali dilaksanakan setiap semester seperti biasa. PPL akan hadir pada sesi peperiksaan di semester terakhir	Peperiksaan teori dan amali dilaksanakan setiap semester seperti biasa. PPL akan hadir pada sesi peperiksaan di setiap penghujung tahap
Pembangunan Portfolio	Pembangunan portfolio untuk setiap tahap perlu dibangunkan. PN akan menyemak portfolio bagi Tahap 1 dan 2. PPL akan semak portfolio bagi Tahap 3 sahaja.	Pembangunan portfolio untuk setiap tahap perlu dibangunkan. PN akan menyemak portfolio bagi setiap tahap.
Persijilan	Pelajar akan menerima Sijil Teknologi dan Sijil Kemahiran Malaysia Tahap 3 sahaja. Pelajar yang gagal di pertengahan latihan tidak mendapat sebarang sijil	Pelajar akan menerima Sijil Teknologi dan Sijil Kemahiran Malaysia untuk setiap tahap. Pelajar yang gagal di pertengahan latihan layak diberikan Sijil Kemahiran Malaysia setakat mana pelajar berkenaan lulus sahaja.
Implikasi Kewangan	Kos Pendaftaran pelajar : RM 100 sahaja Kos Pentauliah Semula PB : RM 200 sahaja (Tahap 3 sahaja bagi tempoh 2 tahun)	Kos Pendaftaran pelajar : RM 300 (RM 100 untuk setiap tahap) Kos Pentauliah Semula PB : RM 600 sahaja (RM200 untuk setiap tahap bagi tempoh 2 tahun)
Pembangunan Silibus	Silibus boleh disusun dengan lebih teratur tanpa terikat dengan tempoh yang ditetapkan bagi setiap tahap. Latihan amali dapat dilaksanakan dengan lebih berkesan.	Silibus perlu disusun mengikut tahap. Latihan amali tidak dapat dilaksanakan dengan berkesan kerana terikat dengan tempoh masa yang ditetapkan bagi setiap tahap.

**LAPORAN PELAKSANAAN
PEPERIKSAAN AKHIR
TAHUN 2011**

**UNIT PEPERIKSAAN DAN PERSIJILAN
JABATAN TENAGA MANUSIA**

MASALAH BERKAITAN PEPERIKSAAN



Bahan Pembelajaran :

-Masalah WIM yang belum lengkap dan isu silibus yang baru digunakan. Implikasi soalan yang dihasilkan tidak memberikan keadilan kepada semua pelajar kerana terdapat pengajar yang mengajar lebih dari kandungan silibus yang dibangunkan.

Insentif & Keselesaian Bengkel :

-Perlaksanaan bengkel di ILJTM tidak kondusif dimana pengajar perlu mendahulukan duit masing-masing untuk penginapan. Mereka perlu berulang alik dari tempat penginapan di luar ke ILJTM untuk sesi malam. Mengadakan bengkel di hotel lebih menjimatkan dari segi kos dan menjamin keselamatan pengajar. Walaubagaimanapun, pengajar perlu memberikan kerjasama dengan memastikan mereka membawa kelengkapan yang mencukupi seperti laptop dan talian ext.

Kualiti Soalan :

-LPM memaklumkan soalan yang dibangunkan oleh pengajar setakat memenuhi keperluan peperiksaan. Sepatutnya soalan yang dibangunkan menggalakkan pelajar untuk berfikir. Tahap kesukaran soalan yang dibangunkan tidak bersesuaian dengan tahap pelajar.

Komitmen Pensyarah :

-Tahap sederhana. Apa pengajar yang hadir dan membawa semua bahan rujukan yang mencukupi dan ada yang hadir hanya membawa set soalan atau bergantung pada set soalan terdahulu. Masalah yang kerap berlaku ialah soalan tidak dapat disiapkan dan menyebabkan TAC yang dipanggil x dapat semak dan sahkan soalan pada bengkel berkenaan.

Teknik Menggubal Soalan :

UPP menyediakan panduan penggubalan soalan setiap kali bengkel diadakan tetapi ianya jarang dirujuk oleh penggubal. Proses yang dijalankan selama ini adalah salah dimana set soalan yang dibangunkan hendaklah berdasarkan JSU dan bukannya JSU dibuat setiap kali soalan dibangunkan. Bilangan soalan mudah, sederhana dan tinggi juga tidak dibuat ditetapkan.



Pembangunan bank soalan berdasarkan modul

-UPP mencadangkan setiap pengajar menghasilkan 5 soalan objektif dan 1 soalan subjektif (20 markah) bagi setiap modul yang diajar. Ini lebih mudah dari segi pengumpulan dari meminta pengajar di ILJTM menyiapkan satu set soalan yang lengkap bagi setiap semester. Dijadikan SKT setiap pengajar /pengarah ILJTM untuk tahun ini. Memudahkan pegawai UPP membangunkan bank soalan berdasarkan modul bagi setiap kursus.

Kursus Teknik Penggubalan Soalan dengan LPM

-UPP telah menjalankan 3 siri bengkel untuk tujuan ini. Seramai xxxx pengajar telah hadir dan daripada maklumbalas yang diterima kebanyakan pengajar berpuashati dengan kursus tersebut. Walaubagaimanapun, perancangan untuk mengadakan bengkel yang sama untuk pengajar subjek umum tidak dapat dijalankan kerana pegawai di LPM bagi sektor ini terikat dengan program lain. Program ini akan dijalankan setiap tahun agar semua pengajar di ILP dapat meningkatkan kualiti soalan masing-masing.

Melaksanakan Bengkel di tempat yang Kondusif

- UPP merancang untuk mengadakan bengkel di tempat yang lebih sesuai berbanding sebelum ini. Walaubagaimanapun, kerjasama dari penggubal juga sangat diperlukan dimana mereka perlu membawa kelengkapan yang mencukupi seperti laptop, ext, silibus, set soalan dan buku rujukan.



- Proses pembinaan soalan ambil masa yang panjang dan merupakan proses yang rumit.
- JTM tidak pernah membangunkan jadual konstruk. Konstruk ialah APA yang ditaksir. Konstruk boleh dikategorikan sebagai Pengetahuan/ Kemahiran/ Sikap. Sekiranya pengajar memahami tentang konsep konstruk, pelbagai jenis soalan boleh dihasilkan dengan hanya merujuk pada silibus.
- JSU yang dibangunkan perlu berdasarkan jadual konstruk dan dibangunkan dahulu sebagai rujukan bagi pembangunan set soalan pada setiap sesi penggubalan soalan.

RINGKASAN MAKLUMAT PERSIJILAN BAGI KELUARAN SESI 2/2011

BIL	ILJTM	BILANGAN PELAJAR (SPC.01)	LULUS	% LULUS	BILANGAN GAGAL	% GAGAL	BILANGAN TANGGUH	% TANGGUH	BILANGAN LAIN-LAIN	BILANGAN BERHENTI/ DIBERHENTI	BIL PELAJAR SEM AKHIR	JUMLAH LULUS MENGIKUT JENIS PERSIJILAN						
		A	B	$(B/(A-H))*100$	C	$(C/(A-H))*100$	D	$(D/(A-I))*100$	H	I	J	DLTK	DTK	DLT	DT	SJP	ST	DPV
1	CIAST	5	3	75.00	1	25.00	0	0.0	1	1	4							3
2	JMTI (DTK)	135	112	100.00	0	0.00	14	11.1	23	9	126		112					
	JMTI (DLTK)	17	9	90.00	1	10.00	6	37.5	7	1	16	9						
3	ADTEC SHAH ALAM (DT)	155	126	96.92	4	3.08	15	10.3	25	10	145				126			
	ADTEC SHAH ALAM (ST)	49	47	100.00	0	0.00	0	0.0	2	2	47						47	
4	ADTEC KULIM (DT)	116	96	96.00	4	4.00	9	8.3	16	7	109				96			
5	ADTEC MELAKA (DT)	202	149	93.71	10	6.29	37	18.9	43	6	196				149			
6	ADTEC BATU PAHAT (DT)	159	112	94.12	7	5.88	27	18.5	40	13	146				112			
7	ILP KUALA LUMPUR (SJP)	43	36	94.74	2	5.26	3	7.3	5	2	41					36		
	ILP KUALA LUMPUR (ST)	197	137	96.48	5	3.52	9	6.0	55	46	151						137	
8	ILP PASIR GUDANG (SJP)	88	79	95.18	4	4.82	0	0.0	5	5	83					79		
	ILP PASIR GUDANG (ST)	55	53	100.00	0	0.00	0	0.0	2	2	53						53	
9	ILP KUALA TERENGGANU (SJP)	223	202	99.51	1	0.49	7	3.3	20	13	210					202		
	ILP KUALA TERENGGANU (ST)	2	2	100.00	0	0.00	0	0.0	0	0	2						2	
10	ILP LABUAN (SJP)	131	117	99.15	1	0.85	1	0.8	13	12	119					117		
	ILP LABUAN (ST)	14	11	91.67	1	8.33	0	0.0	2	2	12						11	
11	ILP IPOH (SJP)	183	145	87.35	21	12.65	2	1.2	17	15	168					145		
	ILP IPOH (ST)	11	9	100.00	0	0.00	0	0.0	2	2	9						9	
	ILP BUKIT KATIL (SJP)	7	7	100.00	0	0.00	0	0.0	0	0	7					7		
12	ILP BUKIT KATIL (ST)	90	73	98.65	1	1.35	0	0.0	16	16	74						73	
13	ILP KUANTAN (SJP)	39	33	91.67	3	8.33	0	0.0	3	3	36					33		
	ILP KUANTAN (ST)	24	24	100.00	0	0.00	0	0.0	0	0	24						24	
14	ILP Jitra (SJP)	31	22	95.65	1	4.35	4	14.8	8	4	27					22		
	ILP Jitra (ST)	41	37	97.37	1	2.63	1	2.6	3	2	39						37	
15	ILP KOTA BHARU (SJP)	24	23	100.00	0	0.00	0	0.0	1	1	23					23		
	ILP KOTA BHARU (ST)	115	81	100.00	0	0.00	10	11.0	34	24	91						81	
	ILP KOTA BHARU (DT)	20	18	100.00	0	0.00	0	0.0	2	2	18				18			

RINGKASAN MAKLUMAT PERSIJILAN BAGI KELUARAN SESI 2/2011

BIL	IJTM	BILANGAN PELAJAR (SPC.01)	LULUS	% LULUS	BILANGAN GAGAL	% GAGAL	BILANGAN TANGGUH	% TANGGUH	BILANGAN LAIN-LAIN	BILANGAN BERHENTI/ DIBERHENTI	BIL PELAJAR SEM AKHIR	JUMLAH LULUS MENGIKUT JENIS PERSIJILAN						
		A	B	$(B/(A-H))*100$	C	$(C/(A-H))*100$	D	$(D/(A-I))*100$	H	I	J	DLTK	DTK	DLT	DT	SJP	ST	DPV
16	ILP KOTA KINABALU (SJP)	124	113	100.00	0	0.00	1	0.9	11	10	114					113		
	ILP KOTA KINABALU (ST)	15	11	100.00	0	0.00	0	0.0	4	4	11						11	
17	ILP KOTA SAMARAHAN (SJP)	124	100	93.46	7	6.54	7	6.1	17	10	114					100		
	ILP KOTA SAMARAHAN (ST)	103	92	96.84	3	3.16	2	2.1	8	6	97						92	
18	ILP LEDANG (SJP)	71	57	96.61	2	3.39	3	4.8	12	9	62					57		
	ILP LEDANG (ST)	65	56	93.33	4	6.67	1	1.6	5	4	61						56	
19	ILP KANGAR (ST)	12	1	100.00	0	0.00	7	87.5	11	4	8						1	
20	ILP PEDAS (SJP)	125	102	93.58	7	6.42	8	6.8	16	8	117					102		
	ILP PEDAS (ST)	13	9	90.00	1	10.00	1	9.1	3	2	11						9	
21	ILP SELANDAR (ST)	28	21	95.45	1	4.55	1	4.3	6	5	23						21	
22	ILP MERSING (SJP)	28	6	100.00	0	0.00	0	0.0	22	1	27					6		
	ILP MERSING (ST)	70	48	100.00	0	0.00	0	0.0	22	3	67						48	
23	ILP SANDAKAN (SJP)	79	65	97.01	2	2.99	0	0.0	12	12	67					65		
	ILP SANDAKAN (ST)	30	28	100.00	0	0.00	0	0.0	2	2	28						28	
24	ILP KUALA LANGAT (ST)	65	56	100.00	0	0.00	6	9.7	9	3	62						56	
	ILP KUALA LANGAT (DT)	64	59	100.00	0	0.00	3	4.8	5	2	62				59			
25	ILP MIRI (SJP)	42	23	100.00	0	0.00	17	42.5	19	2	40					23		
	ILP MIRI (ST)	92	62	88.57	8	11.43	9	11.4	22	13	79						62	
26	ILP KEPALA BATAS (ST)	79	67	100.00	0	0.00	2	2.9	12	10	69						67	
27	ILP AP NIBONG TEBAL (SJP)	28	26	100.00	0	0.00	0	0.0	2	2	26					26		
	ILP AP NIBONG TEBAL (ST)	9	7	100.00	0	0.00	0	0.0	2	2	7						7	
JUMLAH		3442	2772		103		213		567	314	3128	9	112	0	560	1156	932	3

KERTAS KONSEP

PELAN TRANSFORMASI LATIHAN KEMAHIRAN

**INSTITUT LATIHAN PERINDUSTRIAN
JABATAN TENAGA MANUSIA
KEMENTERIAN SUMBER MANUSIA**

1.0 TUJUAN

Kertas konsep ini bertujuan untuk menerangkan mengenai pelaksanaan Transformasi Latihan Kemahiran di Institut Latihan Perindustrian (ILP) seperti yang telah dipersetujui di dalam Mesyuarat Ketua Pengarah JTM bersama Pengarah-Pengarah ILJTM Bil 1/2011 pada 23 hingga 25 Jun 2011 di Adtec Melaka.

2.0 LATAR BELAKANG

- 2.1** Latihan Kemahiran di ILP pada tahun 1971 hingga 1995 adalah menggunakan sistem LLPPKK dimana sistem penilaian adalah fokus kepada peperiksaan akhir.
- 2.2** Mulai tahun 1996, latihan kemahiran di ILJTM telah dipinda kepada Sistem Penilaian Berterusan dimana penilaian adalah secara berterusan dan tiada peperiksaan akhir dijalankan.
- 2.3** ILJTM telah menggunakan sistem penilaian berasaskan CGPA yang merangkumi elemen penilaian berterusan dan peperiksaan akhir.

3.0 PELAKSANAAN TRANSFORMASI LATIHAN KEMAHIRAN

3.1 LALUAN

- 3.1.1** ILP akan menjalankan program latihan kemahiran bermula dengan SKM 1 sehingga 3 secara Single-Tier. Manakala ILP yang berkemampuan boleh menjalankan program SKM 1 hingga Tahap 4 (DKM).
- 3.1.2** Pelajar yang menamatkan tahap 3 di ILP boleh melanjutkan latihan bagi program Diploma Kemahiran Malaysia (DKM) di ADTEC ataupun di mana-mana ILP yang menjalankan Tahap 4 bergantung kepada bidang yang ditawarkan.
- 3.1.3** Latihan kemahiran bagi Tahap 5 akan dijalankan di ADTEC sahaja.

3.1.4 Pelaksanaan latihan dijalankan secara *single tier* sehingga sijil SKM Tahap 3.

3.1.5 Lulusan pelajar yang memiliki SKM Tahap 3 boleh melanjutkan latihan bagi program Diploma Teknologi Kejuruteraan (DTK) di ADTEC bermula dengan Semester 1. Subjek yang berkaitan dengan Persijilan Kemahiran Malaysia (Tahap 1 hingga 3) tidak mendapat pengecualian.

3.2 PENGAMBILAN

3.2.1 Pengambilan pelajar dicadangkan daripada lulusan SPM/SPMV atau sijil kemahiran lain yang diiktiraf.

3.2.2 Syarat kelayakan untuk kemasukan pelajar adalah berdasarkan kesesuaian kursus.

3.3 SILIBUS LATIHAN

3.3.1 Silibus latihan adalah menggunakan silibus JTM sedia ada dan berdasarkan NOSS.

3.3.2 Bagi memastikan keluaran ILP mampu berdaya saing di alam pekerjaan, subjek Bahasa Inggeris dikekalkan bagi semester 1 dan 2. Silibus Bahasa Inggeris perlu fokus kepada Technical English dan Communication English sahaja.

3.3.3 Subjek Pendidikan Islam/Pendidikan Moral dikekalkan dan dilaksanakan kepada pelajar semester 1 dan 2 sahaja. Ini kerana menjadi tanggungjawab untuk JTM dalam memastikan latihan kemahiran bergerak seiring dengan pembentukan sahsiah pelajar.

3.3.4 Subjek Aplikasi Komputer dikekalkan dan dilaksanakan kepada pelajar semester 1 sahaja.

3.3.5 Subjek Sains Kejuruteraan dan Matematik Kejuruteraan dikeluarkan. Walau bagaimanapun, keperluan Sains dan Matematik dimasukkan ke dalam silibus modul teras.

3.3.6 Pembangunan silibus dikawalselia oleh Unit Kurikulum, JTM.

3.4 LATIHAN INDUSTRI

3.4.1 Pelajar wajib menjalani Latihan Industri bagi tempoh 6 bulan pada Semester terakhir latihan kecuali bagi Kursus Teknologi Elektrik iaitu pada Semester 3.

3.4.2 Mana-mana pelajar yang memohon untuk melanjutkan latihan ke peringkat Diploma diberi pengecualian LI bagi peringkat Sijil.

3.5 SISTEM PENILAIAN

3.5.1 Subjek Teras

3.5.1.1 Komponen pemarkahan bagi modul teras adalah meliputi kerja kursus dan peperiksaan akhir mengikut ketetapan Sistem Penilaian Persijilan Kemahiran Malaysia. Pencapaian pelajar adalah berasaskan gred (CGPA).

3.5.1.2 Peperiksaan akhir adalah meliputi kertas teori objektif (60 soalan) dan kertas amali dan pelaksanaan peperiksaan akhir akan melibatkan semua semester (1 hingga 4).

3.5.1.3 Penggubalan soalan peperiksaan akhir dikawalselia oleh Unit Peperiksaan, JTM.

3.5.1.4 Markah lulus bagi modul teras adalah bermula dengan markah 60%. Satu sistem pemarkahan dan gred akan dibangunkan mengikut skala markah penilaian Persijilan Kemahiran Malaysia.

3.5.1.5 Bagi tujuan verifikasi dan validasi keputusan CGPA akan diadakan diperingkat JKPP Institut dan JKPP Ibu Pejabat.

3.5.2 Subjek Umum

3.5.2.1 Komponen penilaian bagi subjek umum adalah secara penilaian berterusan dan pencapaian akan diberikan gred.

3.5.2.2 Pelajar diwajibkan lulus subjek umum. Pelajar yang gagal perlu menjalani ulang nilai sehingga lulus.

3.5.3 Verifikasi dan validasi

3.5.3.1 Verifikasi dan validasi bagi tujuan Persijilan Kemahiran Malaysia bagi tahap yang didaftarkan akan dilaksanakan oleh personel (PPL) yang dilantik oleh JPK.

3.5.3.2 Verifikasi dan validasi bagi tahap-tahap yang tidak didaftarkan akan dilaksanakan oleh Pegawai Naziran (PB) yang dilantik oleh JTM.

3.6 PERSIJILAN

3.6.1 Pelajar yang lulus Persijilan Kemahiran Malaysia dan memenuhi syarat yang ditetapkan oleh jabatan akan dianugerahkan Sijil Kemahiran serta layak menghadiri Majlis Konvokesyen ILJTM.

3.6.2 Institut akan menyediakan transkrip bagi keputusan pelajar dan diserahkan sewaktu Majlis Konvokesyen ILJTM.

3.6.3 Persijilan profesional dilaksanakan bergantung kepada bidang-bidang yang berkaitan. Pelajar yang berminat dan berkelayakan boleh mengikuti persijilan profesional tersebut dengan pembiayaan sendiri.

4.0 CADANGAN PELAKSANAAN

Pelaksanaan ini dicadangkan bermula pada kemasukan sesi Julai 2012.

5.0 KESIMPULAN

Pelaksanaan transformasi latihan kemahiran di peringkat ILP dapat memastikan kualiti latihan dapat dipertingkatkan dan pengajar akan lebih fokus terhadap satu bentuk penilaian dan persijilan sahaja.

Disediakan oleh :

1. En Mat Setia Bin Mohd Raji - TP (PK) Ibu Pejabat , JTM
2. En Sarman Bin Rawan – P (ILP Mersing)
3. En Mohd Faizal Bin Tokeran – P (ILP Miri)
4. En Noor Ariffin Bin Mohd Arif@Haris – P(ILP Pedas)
5. En Azhari Bin Ibrahim – P (ILP Kota Samarahan)
6. Pn Azlina Binti Mohamad Shafie – PP (KT) Ibu Pejabat , JTM

Tarikh : 13 Julai 2011

Tempat : ADTEC Shah Alam

STRUKTUR SILIBUS PERINGKAT ILP

SILIBUS TAHAP 4

SILIBUS TAHAP 1 - 3

SILIBUS TAHAP 1 - 3	PENDIDIKAN ISLAM/MORAL 2	BAHASA INGGERIS 2	KOKURIKULUM 2	
SILIBUS TAHAP 1 - 3	PENDIDIKAN ISLAM / MORAL 1	BAHASA INGGERIS 1	KOKURIKULUM 1	APLIKASI KOMPUTER

CARTA ALIR PELAKSANAAN LATIHAN DI ILP

